



KAKITANGAN JPNP mendengar taklimat bahaya kencing tikus di Dewan Wisma Belia Indera Mahkota.

Kuantan: Kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) diingatkan sentiasa memberi perhatian terhadap bahaya penyakit kencing tikus atau Leptospirosis yang boleh mengundang maut.

Mereka yang bertugas di hutan termasuk di kawasan hutan lipur perlu sentiasa memberi perhatian terhadap kebersihan selain memberi perhatian kepada langkah pencegahan sepanjang berada di kawasan berisiko.

Timbalan Pengarah JPNP Norhaidi Yunus berkata, pihaknya sentiasa mengingati-

kan kakitangan supaya tidak mengambil mudah bahaya penyakit kencing tikus yang berpunca daripada najis dan air kencing tikus.

Menurutnya, kakitangan bertugas di kawasan hutan lipur di negeri ini perlu sentiasa mengambil langkah pencegahan dengan menggunakan sarung tangan getah ketika melakukan aktiviti di tempat berkenaan.

“Untuk memastikan 32 kawasan hutan lipur di negeri ini bebas daripada penyakit kencing tikus, kerjasama pengunjung menjaga kebersihan dengan tidak

membuang sampah dan lebihan makanan merata-rata sangat diharapkan.

“Kita tidak mahu kejadian penyakit kencing tikus yang menyerang Hutan Lipur Lubuk Yu, Maran sebelum ini berlaku di tempat lain hingga menimbulkan pelbagai masalah kepada semua pihak,” katanya pada taklimat bahaya penyakit kencing tikus dan demam malaria oleh pegawai Pejabat Kesihatan Daerah yang disertai lebih 300 kakitangan JPNP di Dewan Wisma Belia Indera Mahkota, di sini, kelmarin.